

# Amalan Kepimpinan Transformasional Pengetua Dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru Sekolah Menengah di Daerah Serian Sarawak (*Principals' Transformational Leadership Practices and Their Relationship with The Teaching Quality of Secondary School Teachers in Serian, Sarawak*)

Nazuha Murad<sup>1\*</sup>, Mohamed Yusoff Mohd Nor<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p118101@siswa.ukm.edu.my](mailto:p118101@siswa.ukm.edu.my)

Received: 30 December 2023 | Accepted: 25 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.2>

**Abstrak:** Amalan kepimpinan transformasional pengetua berfungsi sebagai pengukur untuk menentukan keupayaan pengetua menguruskan sekolah. Amalan ini juga membantu meningkatkan profesionalisme guru untuk menyediakan pengajaran yang berkualiti tinggi. Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Pengumpulan data adalah melalui borang soal selidik yang dihantar secara atas talian. Seramai 140 orang guru telah dipilih sebagai sampel kajian daripada 220 orang responden. Perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 27.0 telah digunakan untuk menjalankan analisis deskriptif dan inferensi. Kajian menunjukkan bahawa amalan kepimpinan transformasional pengetua adalah tinggi ( $\text{min} = 4.23, s.p = 0.51$ ) dan tahap kualiti pengajaran guru adalah tinggi ( $\text{min} = 4.06, s.p = 0.42$ ). Analisis korelasi adalah signifikan dan positif ( $r = 0.714, p < 0.01$ ) antara amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru. Implikasi kajian ini terhadap dasar dan latihan Kementerian Pendidikan Malaysia ialah KPM perlu merancang program latihan kepimpinan yang berkesan untuk pengetua dan guru sebelum ianya dilaksanakan. Dapatan kajian ini juga dapat memberikan panduan kepada pengetua dalam mempertimbangkan empat dimensi dalam kepimpinan transformasional agar kualiti pengajaran guru dapat dipertingkatkan. Dasar dan polisi dalam sistem pendidikan juga perlu dirancang dengan baik sebelum dilaksanakan. Dengan melibatkan sampel yang lebih besar, data yang lebih jelas dan menyeluruh, kajian boleh dilakukan dengan memperluaskan lokasi kajian di daerah lain sebagai cadangan kajian akan datang.

**Kata Kunci:** amalan kepimpinan transformasional, pengetua, kualiti pengajaran, guru, sekolah menengah

**Abstract:** The principal's transformational leadership practices serve as a measure to determine the principal's ability to manage the school. This practice also helps improve the professionalism of teachers to provide high quality teaching. The purpose of this study is to find out the level of transformational leadership practices of principals and the teaching quality of secondary school teachers in Serian district, Sarawak. This research survey uses quantitative methods. Data collection is through a questionnaire sent online. A total of 140

*teachers were selected as a study sample from 220 respondents. Static Packages for the Social Sciences (SPSS) version 27.0 software was used to conduct descriptive and inferential analyses. The study shows that the level of the principal's transformational leadership practice is high (mean = 4.23, s.p = 0.51) while the level of teacher teaching quality is high (mean = 4.06, s.p = 0.42). Correlation analysis of principal's transformational leadership practices and teacher's teaching quality is significant and positive ( $r = 0.714$ ,  $p < 0.01$ ). The implication of this study on the policy and training of the Malaysian Ministry of Education is that the Ministry of Education needs to plan an effective leadership training program for principals and teachers before it is implemented. The findings of this study can also provide guidance to principals in considering the four dimensions in transformational leadership so that the quality of teacher teaching can be improved. Policies and policies in the education system also need to be well planned before being implemented. By involving a larger sample, more clear and comprehensive data, the study can be done by expanding the study location in other districts as a suggestion for future studies.*

**Keywords:** transformational leadership, teaching quality, principal, teacher, secondary school

---

## 1. Pendahuluan

Penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran oleh guru yang menarik minat murid mempengaruhi kualiti pengajaran dalam kelas. Kualiti pengajaran merupakan penyampaian pengetahuan dan kemahiran yang berkesan, termasuk strategi pembelajaran, interaksi antara guru dan murid dan hasil yang diinginkan. Kreativiti guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru (Maliki & Mohd Nizam, 2022) serta memastikan pengajaran yang diberikan mencapai objektif yang ditetapkan. Kemahiran dan dedikasi guru untuk menyampaikan pelajaran atau konsep yang mudah difahami, diingati dan menarik minat murid dikenali sebagai kualiti pengajaran guru.

Pengurusan sekolah yang cekap dipengaruhi oleh kepimpinan pengetua yang memegang peranan utama dalam menyelaras dan membimbing guru-guru di sekolah terutamanya dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. Pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transformasional iaitu memupuk pengaruh yang ideal, memotivasikan dan memberi inspirasi, membina rangsangan intelek dan menggunakan pertimbangan peribadi untuk membentuk organisasi yang berkesan (NurSyafia et al., 2018; Gobinathan & Jamalul Lail, 2020).

Keberkesanan sesebuah sekolah bergantung kepada kualiti pengajaran guru serta amalan kepimpinan transformasional pengetua. Kecemerlangan akademik boleh dicapai hasil daripada kualiti pengajaran guru yang menghasilkan murid yang berjaya serta dapat membentuk keperibadian murid. Pemimpin sekolah memainkan peranan dalam memperkasakan pentadbiran dan kepimpinan untuk mencapai pendidikan berkualiti melalui amalan kepimpinan transformasional. Menurut kajian Liang & Tai (2021), tahap efikasi guru yang melibatkan pengurusan kelas, strategi pengajaran dan penglibatan murid dalam membantu guru meningkatkan kemahiran dalam menyediakan pembelajaran yang sesuai dengan kemahiran murid dan berkualiti tinggi.

## 1.1 Pernyataan masalah

Amalan kepimpinan transformasional pengetua melibatkan strategi dan pendekatan yang direka untuk membantu guru dalam mencapai piawaian yang lebih tinggi dan menyediakan pengajaran yang berkualiti tinggi. Tindakan pengetua menjejaskan prestasi guru dan membawa kepada perubahan dalam organisasi sekolah. Pengetua bertanggungjawab dalam menetapkan tahap profesionalisme guru dan persekitaran pembelajaran yang kondusif di sekolah bagi menjana modal insan yang berkualiti. Amalan kepimpinan pengetua yang berpotensi tinggi memberi kesan kepada prestasi murid (Ghani et al., 2018). Pengetua perlu melaksanakan kepimpinan transformasional mengikut situasi bagi mengelakkan masalah kemerosotan motivasi guru.

Dasar anjakan reformasi pendidikan seperti KSSR dan KSSM disemak semula untuk menambah baik standard kandungan dan pembelajaran selaras dengan standard antara bangsa (PPPM, Gelombang ke 3, 2021-2025). Implikasi perubahan dasar ini menyebabkan pengetahuan pedagogi guru dalam menyampaikan kandungan pengajaran guru kurang. Keupayaan guru untuk menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran yang kreatif boleh meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran (Roslina et al., 2019). Penekanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), murid memperoleh kemahiran dalam penerokaan, analisis, penilaian dan penciptaan. Cabaran dalam melaksanakan KBAT ini terletak kepada persediaan guru, kekangan masa, penekanan terhadap peperiksaan dan kaedah pengajaran yang masih bersifat konvensional (Totesingam et al., 2019).

Profesionalisme guru merupakan salah satu aspek penting dalam menjamin kualiti pendidikan negara. Guru yang profesional perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang sesuai dengan tuntutan profesion keguruan serta sentiasa berusaha meningkatkan diri melalui pembelajaran sepanjang hayat. Dalam melaksanakan amalan profesionalisme di sekolah, terdapat cabaran dimana kurangnya pendedahan, pengalaman dan bimbingan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi meningkatkan amalan profesionalisme guru di sekolah, bimbingan dan pementoran kepada guru dilaksanakan bagi menambah baik strategi, teknik dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini dilaksanakan bagi meningkatkan amalan profesionalisme guru di sekolah. Guru boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan bimbingan dan pementoran ini. Guru baharu memerlukan sokongan dan bimbingan dalam pedagogi pengajaran kerana mereka masih belum mahir dalam menggunakan kaedah, pendekatan, teknik dan strategi pengajaran yang berkesan (Juariah et al., 2020).

Penggunaan teknologi dan maklumat, kaedah pengajaran terkini digunakan selaras dengan aliran semasa. Kemahiran guru dalam menggunakan teknologi dan maklumat dalam pengajaran adalah terhad. Amalan pengajaran guru menggunakan kaedah tradisional ditukar kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kreatif (PPPM, 2013-2025). Seseengah guru masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional kerana tidak mempunyai pengetahuan dalam mengendalikan dan menggunakan perisian dalam bilik darjah. Guru menghadapi cabaran dalam mengimplementasikan pengajaran dalam talian dan kekurangan kemudahan infrastruktur digital (Nik Md. Saiful Azizi, 2021). Guru seharusnya mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk menggunakan pembelajaran digital seperti Google Classroom (Mohamed et al., 2022). Tambahan pula, terdapat perbezaan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah bandar dan sekolah luar bandar berkaitan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) (Kumar et al., 2019).

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak. Tiga objektif kajian

adalah (i) mengenal pasti tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak, (ii) mengenal pasti kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak dan (iii) mengenal pasti hubungan kepimpinan transformasional pengetua terhadap kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak. Ketiga-tiga objektif ini menjawab persoalan kajian iaitu (i) apakah tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak?, (ii) apakah tahap kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak?, (iii) adakah terdapat hubungan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua terhadap kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak?.

### **Hipotesis kajian**

Kajian ini telah menggunakan aras signifikan  $p < 0.01$ .

$H_0$ 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua terhadap kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak.

## **2. Tinjauan literatur**

### **2.1 Kepimpinan Transformasional**

Pemimpin yang menggunakan kepimpinan transformasional adalah pemimpin yang yakin dengan matlamat dan visi sekolah. Sebagai pemimpin, pengetua bertanggungjawab untuk menyediakan sokongan moral, keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh guru untuk memotivasikan guru dan membantu mereka mencapai matlamat organisasi. Kajian yang dijalankan oleh Ong et al. (2020), SJKC di Perlis mempunyai amalan kepimpinan yang baik di kalangan guru besarnya. Guru besar menekankan bahawa motivasi berinspirasi adalah cara terbaik untuk memberi inspirasi kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Menurut kajian Mansor et al. (2021) yang dijalankan kepada 297 orang guru di sekolah agama dibiayai kerajaan di Selangor menyatakan sifat kepimpinan transformasional pengetua seperti sokongan individu untuk pembangunan profesional dan rangsangan intelek penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dengan memberi peluang, bimbingan dan sumber kepada guru untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Keberkesanan organisasi dipengaruhi oleh kepimpinan. Untuk kepimpinan transformasi, adalah penting bagi seorang pemimpin untuk mengesan, mengiktiraf dan prihatin kepada keperluan pengikutnya adalah penting untuk kepimpinan transformasi (Bass, 1985). Selain itu, kepimpinan transformasional boleh mendorong individu untuk mengubah nilai dan sikap mereka (Bass, 1985). Pengaruh idea, pertimbangan individu, rangsangan intelek dan motivasi berinspirasi adalah empat komponen kepimpinan transformasional (Bass, 1985). Melalui kepimpinan transformasional, pengetua membantu guru untuk mencapai tahap cemerlang dalam amalan mereka (Wulandari, 2022). Untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif dan bermakna, pemimpin transformasional boleh memotivasikan guru.

Kepimpinan transformasional mendorong pekerja untuk mencapai prestasi yang tinggi dan berinovasi dengan memberikan sasaran yang jelas, sokongan, penghargaan dan rangsangan dan meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan keyakinan. Melalui kajian yang lepas, didapati bahawa pengetua mempunyai tahap kepimpinan transformasional yang diamalkan dalam pengurusan di sekolah yang memberi kesan kepada guru. Dapatan kajian Gobinathan & Jamalul Lail (2020) yang dijalankan kepada 100 orang guru di sekolah menengah di Selangor mendapati bahawa pemimpin yang mengambil pendekatan kepimpinan transformasional

mempunyai sikap yang bermotivasi, berwawasan dan berpandangan jauh, yang mencipta budaya yang lebih baik dan pembentukan organisasi yang berkesan. Pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transformasional mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran yang dihadapi oleh organisasi. Pengaruh kepimpinan transformasional ini meningkatkan prestasi guru dengan memberi guru rasa tanggungjawab, dedikasi dan minat terhadap tugas mereka. (Mohd Izham et al., 2020; Kassidy Maran et al., 2018).

## **2.2 Kualiti pengajaran guru**


Keupayaan guru untuk menyampaikan pelajaran dengan cara yang mudah difahami, diingati dan menimbulkan minat kepada murid memberi impak kepada kualiti pengajaran guru. Pengajaran merupakan proses guru menyampaikan ilmu, kemahiran atau nilai-nilai kepada murid melalui kaedah yang bersesuaian. Pengajaran guru dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu perancangan dan pembelajaran, kaedah pengajaran yang berkesan, pemantauan dan penilaian dan amalan pembangunan profesional. Keupayaan guru untuk menyampaikan pelajaran, konsep atau kemahiran dengan cara yang boleh difahami, diingati dan menimbulkan minat murid dikenali sebagai kualiti pengajaran. Kajian Normiati & Abdul Saad (2019), mendapati bahawa guru mempunyai kualiti pengajaran yang sangat baik dan mereka cenderung untuk menyediakan pengajaran mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti menyediakan pengajaran harian, menggunakan bahan bantu mengajar dan memberikan maklum balas kepada murid. Perancangan pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknik pengajaran yang berkesan, pemantauan dan penilaian dan amalan pembangunan profesional adalah faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran guru.

Keupayaan guru untuk memahami kandungan dan menyampaikan kandungan kepada murid adalah pengetahuan pedagogi yang merangkumi pemahaman tentang prinsip pendidikan, strategi pembelajaran, pembangunan kurikulum, penilaian dan interaksi antara guru dan murid. Ia dapat membantu guru dalam merancang, melaksanakan dan menilai pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Pengetahuan pedagogi terbahagi kepada tiga iaitu pengetahuan pedagogi umum, pengetahuan pedagogi khusus dan pengetahuan pedagogi ilmu kandungan. Pengetahuan pedagogi ilmu kandungan merangkumi pengetahuan yang mengintegrasikan kandungan, pedagogi dan konteks pengajaran dan pembelajaran (Zurina et al., 2021). Dapatan kajian Roslina Mohd Nor et al. (2019) menyatakan pengetahuan pedagogi ilmu kandungan (PPIK) guru Seni Visual adalah tinggi dapat menyampaikan kandungan dan kemahiran Seni Visual yang lebih berkesan kepada murid serta dapat meningkatkan kreativiti dan minat murid. Guru perlu diberi latihan dan kursus yang sesuai secara berterusan bagi menambah pengetahuan yang boleh diperolehi daripada bimbingan dalam pengajaran dan pembelajaran. Latihan yang bersesuaian dapat membantu dalam guru mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pendidikan seperti kurikulum, teknologi dan keperluan murid.

Bimbingan ialah proses yang dilakukan oleh seseorang individu yang lebih berpengalaman membantu individu lain dalam mencapai objektif atau mengembangkan potensi mereka. Pementoran berlaku apabila seseorang guru berpengalaman memberi bantuan sebagai penasihat, pembimbing atau jurulatih kepada guru yang kurang berpengalaman dalam bidang tertentu (Nor'Ain et al., 2017). Bimbingan dan pementoran ini membantu dalam meningkatkan tahap keyakinan, kepuasan dan komitmen guru baharu terhadap profesion keguruan (Ariff Hidayat & Mahani, 2022). Bimbingan dan pementoran diberikan oleh individu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran terhadap bidang yang ingin dikembangkan oleh individu yang menerima bimbingan. Guru mentor mesti mempunyai tahap kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam membimbing guru baharu (Osman & Mokhtar, 2022) agar guru yang dibimbing mendapat manfaat daripada bimbingan dan

pementoran ini. Guru juga boleh mempercepatkan proses pembelajaran, meningkatkan motivasi, meningkatkan interaksi di antara dan kesedaran pada diri mereka sendiri.

Gambaran keseluruhan proses kajian yang merangkumi teori dan model ditunjukkan dalam bentuk kerangka konsep yang mewakili pemboleh ubah bebas dan bersandar. Amalan kepimpinan transformasional pengetua menunjukkan bahawa terdapat faktor yang mempengaruhi idea, pertimbangan individu, rangsangan intelek dan motivasi berinspirasi. Kualiti pengajaran guru merangkumi aspek pengetahuan pedagogi, bimbingan dan pementoran dan kaedah pengajaran mewakili pemboleh ubah bersandar seperti dinyatakan dalam Rajah 1.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian**

Sumber: *Dibina dan diadaptasi berdasarkan teori kepimpinan Transformasional Burn(1978) dan Bass(1985) dan Model Kualiti Pengajaran (Ambotang & Anuar, 2022).*

### 3. Metodologi

#### 3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif yang merupakan pendekatan yang paling berkesan untuk mengkaji persoalan kajian ini. Ini kerana kajian ini melibatkan populasi yang besar dan data sampel data yang diperolehi daripada soal selidik. Kajian ini melibatkan 220 orang guru yang bertugas di sekolah menengah di bahagian Serian, Sarawak. Kajian ini mengkaji bagaimana amalan kepimpinan transformasional pengetua mempengaruhi kualiti pengajaran guru di sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak.

#### 3.2 Persampelan

Kajian ini melibatkan guru (N= 220) yang bertugas di sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak. Jadual penentuan saiz sampel yang dibangunkan oleh kajian Krejcie dan Morgan (1970) digunakan untuk menentukan saiz sampel. Dengan populasi guru seramai 220 orang, saiz sampel yang diperlukan untuk kajian ini ialah 140 orang guru. Responden kajian dipilih tanpa mengira aspek kaum, jantina dan agama mereka.

#### 3.3 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik. Dengan menggunakan *Google Forms*, borang soal selidik telah dihantar kepada guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak melalui borang selidik secara atas talian. Borang soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi item berkaitan maklumat demografi responden manakala bahagian B mengandungi 24 item yang mengukur tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua. Soal selidik yang dibuat oleh Mohd Yusoff et al. (2022) telah diubah suai menjadi soal selidik ini. Bahagian C mengandungi 18 item yang berkaitan dengan kualiti pengajaran guru yang diubahsuai daripada tinjauan oleh Mohd Paris et al. (2016).

Bahagian A merupakan item bentuk tertutup, manakala item dalam Bahagian B dan C adalah soalan soal selidik yang dibentuk dalam skala Likert lima mata. Bahagian B dan C mempunyai lima pilihan jawapan, “Sangat Tidak Setuju” (1), “Tidak setuju” (2), “Kurang Setuju” (3), “Setuju” (4) dan “Sangat Setuju” (5). Populasi yang besar terlibat dalam kajian ini dan data dikumpul melalui persampelan rawak mudah di mana ianya sesuai dan efisien.

### 3.4 Kesahan dan kebolehpercayaan

Jika item boleh menjelaskan atau mendedahkan ukurannya, soal selidik itu sah. Sebuah sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak dipilih untuk kajian rintis. 30 orang guru dipilih sebagai responden, masing-masing mempunyai ciri yang sama seperti responden sebenar. Kajian rintis ini dilaksanakan bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen. Kebolehpercayaan instrumen boleh ditentukan dengan melihat kepada nilai *Alpha Cronbach* (McMillan & Schumacher, 2006). Nilai *Alpha Cronbach* adalah berdasarkan kepada klasifikasi indeks kebolehpercayaan iaitu nilai 0.90 – 1.00 adalah sangat tinggi, 0.80 – 0.89 adalah tinggi, 0.70 – 0.79 adalah boleh diterima, 0.60 – 0.69 boleh dipersoalkan, 0.50-0.59 adalah rendah dan di bawah 0.5 adalah tidak boleh diterima. Nilai *Alpha Cronbach* bagi kepimpinan transformasional ialah 0.952 mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Bagi kualiti pengajaran pula, nilai *Alpha Cronbach* ialah 0.859 yang mempunyai kebolehpercayaan tinggi. Maka, kebolehpercayaan keseluruhan bagi semua item menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan boleh digunakan.

### 3.5 Analisis data

Untuk menganalisis data, perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 27.0 digunakan. Data telah dimasukkan ke *Microsoft Excell* daripada soal selidik atas talian menggunakan *Google Forms*. Untuk mendapatkan data demografi responden, analisis deskriptif dilakukan dengan menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Interpretasi skor Ahmad Munawar (2009) untuk skor min ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Ahmad Munawar (2009)

Soalan selidik bahagian B mengandungi 24 item soalan manakala bahagian C mengandungi 18 item soalan. Setiap soalan tersebut membentuk skala Lima Likert yang mempunyai lima pilihan jawapan. Dalam kajian ini, ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengukur hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru. Nilai pekali korelasi Chua (2014) digunakan seperti dalam jadual 2.

**Jadual 2: Interpretasi kekuatan Nilai Pekali Korelasi**

Saiz pekali korelasi (r)	Kekuatan korelasi
0.91 hingga 1.00 atau -0.50 hingga -1.00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30	Sangat lemah
0.00	Tiada korelasi

Sumber: Chua (2014)

#### 4. Dapatan kajian

Kajian ini melibatkan seramai 140 orang guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak. Seramai 91 orang guru (65.0%) daripada responden kajian adalah guru perempuan, manakala 49 orang (35.0%) adalah guru lelaki. Ini menunjukkan bilangan responden guru perempuan melebihi guru lelaki seramai 42 orang iaitu 58.8%. Julat umur 20 – 30 tahun merupakan lingkungan umur yang paling rendah iaitu seramai 19 orang guru (13.6%), 31 – 40 tahun seramai 41 orang guru (29.3%), 41 – 50 tahun adalah seramai 48 orang guru (34.3%) dan 51 – 60 tahun adalah seramai 32 orang guru (22.9%). Ini menunjukkan responden teramai berumur 41 – 50 tahun. Dari aspek demografi tahap pendidikan pula menunjukkan guru dengan ijazah sarjana muda adalah yang tertinggi dengan 111 orang guru (79.3%), sarjana seramai 27 orang guru (19.3%) dan diploma seramai 2 orang guru (1.4%). Dapatan dari aspek demografi tempoh berkhidmat, tempoh berkhidmat kurang 1 tahun ialah 5 orang (3.6%), 2 – 10 tahun ialah 34 orang (24.3%), 11 - 20 tahun seramai 42 orang (30.0), 21 – 30 tahun seramai 43 orang (30.7%) dan 31 tahun ialah seramai 16 orang (11.4%). Ini menunjukkan responden paling ramai mempunyai tempoh berkhidmat di antara 21 – 30 tahun dan responden terendah dalam tempoh berkhidmat ialah kurang 1 tahun.

Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai untuk menilai amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru. Dengan menggunakan ujian korelasi, objektif analisis inferensi adalah untuk menentukan hubungan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru. Jadual interpretasi menggunakan keputusan data deskriptif daripada Ahmad Munawar (2009) dan jadual korelasi Chua (2014).

##### 4.1 Tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, dapatan analisis kajian menunjukkan tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua adalah tinggi (min = 4.23, s.p = 0.51). Dimensi pertimbangan individu adalah tinggi (min = 4.25, s.p = 0.53) mengatasi dimensi rangsangan intelek (min = 4.22, s.p = 0.52), dimensi motivasi berinspirasi (min = 4.21, s.p = 0.55) dan dimensi pengaruh ideal adalah rendah (min = 4.19, sp = 0.52). Ini menunjukkan bahawa pertimbangan individu lebih kerap digunakan oleh pengetua berbanding daripada dimensi amalan yang lain. Jadual 3 menjelaskan hasil dapatan kajian ini.



**Jadual 3: Tahap Amalan kepimpinan Transformasional Pengetua**

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengaruh Ideal	4.19	0.53	Tinggi
Pertimbangan Individu	4.25	0.53	Tinggi
Rangsangan Intelek	4.22	0.52	Tinggi
Motivasi berinspirasi	4.21	0.55	Tinggi
<b>Tahap keseluruhan</b>	<b>4.23</b>	<b>0.51</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.2 Tahap kualiti pengajaran guru

Persoalan kajian yang kedua ditunjukkan dalam Jadual 4 yang mengandungi analisis deskriptif iaitu min, sisihan piawai dan interpretasi tahap kualiti pengajaran guru. Kualiti pengajaran guru ini berada pada tahap yang tinggi (min = 4.06, s.p = 0.42). Jadual 4 menunjukkan, dimensi pengetahuan pedagogi (min = 4.36, s.p = 0.43) dan dimensi kaedah pengajaran adalah tinggi (min = 4.00, s.p = 0.45). Dimensi bimbingan dan pementoran adalah sederhana tinggi (min = 3.80, s.p = 0.67). Semua aspek dalam kualiti pengajaran menunjukkan tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak berkeupayaan dalam menyampaikan konsep atau kemahiran dengan cara yang mudah difahami oleh murid.

**Jadual 4: Tahap Kualiti pengajaran guru**

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengetahuan Pedagogi	4.36	0.43	Tinggi
Bimbingan dan pementoran	3.80	0.67	Sederhana tinggi
Kaedah Pengajaran	4.00	0.45	Tinggi
<b>Tahap Keseluruhan</b>	<b>4.06</b>	<b>0.42</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.3 Hubungan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua terhadap kualiti pengajaran guru sekolah menengah

Bagi persoalan kajian yang terakhir menggunakan ujian korelasi Pearson, yang mengenal pasti hubungan di antara dua pemboleh ubah yang dikaji dan hipotesis nol. Dapatan analisis ujian korelasi Pearson dalam Jadual 5 menunjukkan amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru di daerah Serian, Sarawak. Hubungan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru di sekolah menengah adalah signifikan ( $r = 0.714$ ,  $p < 0.001$ ). Berdasarkan nilai Korelasi Pearson ( $r = 0.714$ ,  $p < 0.01$ ), adalah kuat. Keputusan ini menunjukkan bahawa hipotesis nol ( $H_0$ ) tidak boleh diterima. Ini menunjukkan bahawa antara kepimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak mempunyai hubungan positif yang signifikan.

**Jadual 5: Ujian korelasi terhadap hubungan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua terhadap kualiti pengajaran guru.**

		Kualiti Pengajaran Guru	
		R	Sig. P
Amalan kepimpinan transformasional Pengetua	Korelasi Pearson	.714**	
	Sig. (2-hujung)	.000	
	N	140	

\*\* Signifikan pada aras keyakinan  $p < 0.01$  (2-hujung).

### 5. Perbincangan dan cadangan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana hubungan antara amalan kepimpinan transformasional pengetua mempengaruhi kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah

Serian, Sarawak. Teori kepemimpinan transformasional Burn (1978) dan Bass (1985) dan Model Kualiti Pengajaran (Ambotang & Anuar, 2022) adalah asas bagi kajian ini. Metodologi kajian ialah kaedah tinjauan kepada 140 orang sampel yang terdiri daripada kalangan guru melalui borang soal selidik atas talian (*Google Forms*). Selain itu, analisis deskriptif juga digunakan untuk menilai tahap amalan kepemimpinan transformasional pengetua dan kualiti pengajaran guru. Keputusan data diperoleh dengan menggunakan perisian SPSS 27.0. Selain itu, analisis inferensi dilakukan dengan menggunakan ujian korelasi Pearson. Tujuannya adalah untuk mengetahui bagaimana amalan kepemimpinan transformasional pengetua berhubung dengan kualiti pengajaran guru. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara amalan kepemimpinan transformasional yang dilaksanakan oleh pengetua dan kualiti pengajaran guru. Dapatan kajian ini menolak hipotesis nol kajian.

Kajian ini mendapati bahawa pengetua sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak mempunyai tahap amalan kepemimpinan transformasional pengetua yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengetua telah melaksanakan semua dimensi dalam kepemimpinan transformasional. Hasil kajian ini selaras dengan penemuan kajian Beruin & Mohd Nordin (2023) yang dijalankan di sekolah TS 25 dengan saiz sampel 144. Hasilnya, amalan kepemimpinan pengetua adalah tinggi yang mana pengetua di sekolah telah melaksanakan semua dimensi kepemimpinan transformasional dengan baik. Selain itu, dapatan penyelidikan Yusoff & Ismail (2021) yang mengkaji amalan kepemimpinan transformasional pengetua guru pendidikan khas. Kajian yang melibatkan 200 orang guru mendapati bahawa setiap dimensi mempunyai tahap yang tinggi. Buktinya, semua dimensi kepemimpinan transformasional pengetua di amalkan di semua jenis sekolah. Ini menunjukkan bahawa, pengetua dari sekolah yang berbeza telah melaksanakan semua dimensi dalam amalan kepemimpinan transformasional dengan baik. Berbanding dimensi amalan yang lain, dimensi pertimbangan individu menunjukkan dapatan min yang lebih tinggi. Pengetua di sekolah ini memberikan lebih perhatian dan sokongan kepada keperluan, minat dan perkembangan guru secara individu. Walau bagaimana pun, dapatan kajian Stephanie et al. (2023) yang dijalankan di sekolah menengah di daerah Kinta, Perak tidak selari dengan dapatan kajian ini. Kajian Sia et al. (2022) yang dijalankan di sekolah pendidikan khas melibatkan 200 orang guru juga menunjukkan hanya dimensi amalan pengaruh ideal mencapai skor yang paling tinggi. Ketidak selarian data berlaku apabila dimensi pengaruh ideal dan pertimbangan individu berada pada tahap yang rendah, berdasarkan dapatan daripada 150 orang guru, Nor Azlin et al. (2020). Manakala dimensi pengaruh ideal mempunyai nilai skor antara yang terendah dalam kajian ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi pengetahuan pedagogi, bimbingan dan pementoran dan kaedah pengajaran adalah komponen yang membentuk kualiti pengajaran guru. Untuk memastikan pengajaran yang dilakukan menghasilkan pengajaran yang berkualiti, guru harus memahami objektif, matlamat, menentukan strategi dan membuat penilaian sebelum memulakan pengajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak memberikan pengajaran yang sangat baik. Nilai min tertinggi bagi kualiti pengajaran guru adalah dimensi pengetahuan pedagogi diikuti oleh kaedah pengajaran. Untuk dimensi bimbingan dan pementoran, skor min adalah paling rendah. Guru perlu meningkatkan pemahaman mereka tentang pelbagai elemen dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk pengetahuan, kemahiran, sikap dan emosi. Kajian Ambotang & Anuar (2022) menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan pedagogi yang paling tinggi. Kajian Satangah@Salim et al. (2021) mengkaji kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu tahap satu di luar bandar dan tahap komitmen organisasi sekolah menunjukkan keputusan yang tinggi.

Di daerah Serian, Sarawak terdapat hubungan yang signifikan dengan kualiti pengajaran guru sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa pengetua mempunyai ciri kepimpinan transformasional yang tinggi. Kajian ini telah dijalankan di Maktab rendah Sains Mara, Zon Utara oleh Man, et al. (2018). Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan kepimpinan transformasional yang dilaksanakan oleh pengetua dan kualiti pengajaran guru. Hasilnya, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan kepimpinan transformasional pengetua adalah penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Kassidy Maran et al. (2018), yang menunjukkan perkaitan antara kepimpinan transformasional pengetua dengan tahap prestasi pengajaran guru di SBP bahagian Kuching pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang jelas dan kukuh antara tahap amalan kepimpinan transformasional pengetua dan tahap pencapaian guru dari aspek seperti penglibatan, kerjasama, inovasi dan profesionalisme. Ini bermaksud, pengetua yang mengamalkan kepimpinan transformasional dapat mempengaruhi, memberi inspirasi, menghargai dan menggalakkan guru – guru mereka untuk meningkatkan prestasi pengajaran mereka di sekolah.

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada pihak pentadbir sekolah, PPD, JPN dan KPM. Penyelidikan ini dapat membantu KPM dalam mereka bentuk program pendidikan serta merancang intervensi yang sesuai. Implikasi terhadap dasar dan latihan, KPM juga boleh mengenal pasti elemen yang boleh dikembangkan semasa melaksanakan kursus yang berkaitan kepimpinan dan profesionalisme keguruan. Kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam menambah baik kandungan dalam program kepimpinan pengetua (NPQEL) selari dengan peredaran masa. Ia juga dapat membantu dalam merangka dan merancang program latihan kepimpinan untuk pengetua. Sambil mempersiapkan diri mereka untuk gaya kepimpinan transformasional, bakal pengetua mempunyai peluang menerima latihan dalam bidang kepimpinan secara teori dan praktikal. Ini mendorong kepada faktor kejayaan dan kecemerlangan sekolah dari segi pengurusan yang berkesan, amalan kepimpinan pengetua yang berwibawa dan budaya sekolah yang cemerlang. Perancangan dan pendedahan berkaitan pembangunan kepimpinan pengetua perlu diperkasakan oleh pihak Institut Aminuddin Baki. Selain itu, KPM dapat merancang dan mengenal pasti program yang berfokus kepada profesionalisme guru melalui latihan dan pembelajaran terutamanya dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Selain itu, KPM, JPN dan PPD mempunyai keupayaan untuk menyediakan platform latihan dan bimbingan yang lebih berkesan secara berterusan kepada pengetua dan juga guru. Ini membolehkan mereka memilih cara terbaik untuk melaksanakan dan mempraktikkan amalan dan latihan yang ditawarkan dengan cara yang paling sesuai. Oleh itu, kajian ini memberikan implikasi yang positif kepada KPM, JPN, PPD dan pengetua dalam mempertimbangkan penggunaan amalan kepimpinan transformasional untuk menguruskan sekolah dan memastikan kepimpinan sekolah berada pada tahap yang terbaik.

Keputusan kajian membawa kepada beberapa cadangan untuk kajian lanjutan. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Kajian lanjutan boleh dibuat menggunakan kaedah kuantitatif tetapi memperluaskan populasi kajian dan sampel ke lokasi lain di luar daerah Serian, Sarawak. Selain itu, kajian yang sama boleh dijalankan dengan membuat perbandingan di antara guru sekolah berasrama penuh (SBP), sekolah berprestasi tinggi, sekolah agama, sekolah sukan, sekolah seni dan sebagainya. Kajian ini melibatkan sekolah yang berada di luar bandar. Kajian akan datang boleh melibatkan skop kajian yang lebih luas yang melibatkan sekolah menengah yang berada di bandar.

## 6. Kesimpulan

Amalan kepimpinan transformasional pengetua terhadap kualiti pengajaran guru sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak menunjukkan bahawa amalan kepimpinan transformasional pengetua berada pada tahap yang tinggi dan kualiti pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi. Keputusan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengetua menggunakan pendekatan transformasional dengan ketara dan menjadi penggerak dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. Kajian ini memberi implikasi ke atas dasar latihan dan pendekatan dalam amalan kepimpinan pengetua.

Pengetua menjadi contoh sebagai agen perubahan melalui kepimpinan transformasional. Pengetua boleh menjadi pengaruh yang ideal, mempunyai pertimbangan individu yang seimbang, mampu memberikan rangsangan intelek dan menjadi inspirasi kepada subordinat dan rakan sekerja. Pengetua perlu mempertimbangkan setiap dimensi dalam kepimpinan transformasional bagi meningkatkan komitmen guru dan juga membantu dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru serta mewujudkan suasana kerja yang positif dan menyokong pembelajaran murid yang berkualiti. Pengumpulan data daripada guru boleh dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan amalan kepimpinan transformasional pengetua dilaksanakan. Ini akan memberikan penilaian sendiri tentang cara kepimpinan transformasional pengetua dalam membantu mewujudkan iklim sekolah yang sihat dan meningkatkan kepuasan guru dengan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan tugas dan menghasilkan kualiti pengajaran yang tinggi.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana memberikan sokongan untuk kajian ini. Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Mohamed Yusoff bin Mohd Nor kerana membimbing serta memberikan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian ini.

## Rujukan

- Ariff Hidayat Osman & Mahani Mokhtar. (2022). Keberkesanan Bimbingan Pembangunan Profesionalisme Guru Baharu Di sekolah Berdasarkan Pengalaman Guru Mentor. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 349 – 409.
- Ambotang, A. S & Anuar L. (2022). Pengaruh Pengetahuan Pedagogi, pengetahuan kandungan dan komitmen Guru terhadap Kualiti Pengajaran. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 11, 50-60.
- Batjo, N., & Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30 - 42.
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and performances beyond Expectation*. New York: Free Press.
- Beruin, C. N., & Mohd Nordin, N. (2023). Kepimpinan Transformasional Pengetua dan Hubungannya dengan Komitmen Guru Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), 1- 14.e002272
- Burns, J. M. (1978). *Leadership* New York: Harper & Row.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Asas Statistik Penyelidikan*. 2(3), Ketiga. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Ghani, M. F. A., & Radzi, N. M. (2018). Tahap kompetensi pemimpin sekolah di sekolah jenis kebangsaan tamil dalam daerah terpilih di Selangor. *Jurnal kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 34-58.

- Gobinathan. V. & Jamalul Lail. A.W. (2020). Kepimpinan transformasional guru besar dan kepuasan kerja guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Zon Kajang. *International Journal Of Education And Pedagogy*. 2(2), 18-31.
- Juriah Marjonet, Siti Hajar abu Bakar & Noralina Omar. 2020. Pementoran dalam Program pembanguna guru baharu Kementerian Pendidikan Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 79-95.
- Kassidy Maran & M. Azlin Norhaini. (2018). Kepimpinan Transformasional pengetua dan Prestasi Pengajaran guru di sekolah Berprestasi Tinggi di bahagian Kuching. *ICOFEA 2018 Conference Proceeding*. 325 – 333.
- Kumar Raman, and Norasmah Othman, and Haryanti Mohd Affandi. 2019 Jurang penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di antara sekolah bandar dengan luar bandar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44 (1), 109-119.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Liang F. S. & Tai M. K. (2021). Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 6 (40), 160-167.
- Maliki Md Mokhtar & Mohd Nizam Sahat. (2022). Tinjauan Berkaitan Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. *BITARA International Journal of Civilization Of Studies And Human Sciences*, 5(2), 1-10.
- Man, J., Don, Y., & Ismail, S. N. (2018). Kepimpinan Transformasional dan Kualiti Guru Generasi ‘Y’. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 1-10.
- Madhavan, S., Basri, R., Mohd Ayub, A. F., & Asimiran, S. (2020). Kualiti bimbingan pengajaran oleh “Pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah” (School Improvement Specialist Coaches - SICS+) sebagai faktor peramal terhadap kualiti guru di sekolah kebangsaan. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 68-78.
- Mansor, A.N., Abdullah, R. & Jamaludin, K.A. (2021). The influence of transformational leadership and teachers’ trust in principals on teachers’ working commitment. *Humanit Soc Sci Commun*, 8, 1-9.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2006). *Research in education: Evidence-based inquiry* (6th ed.)
- Mohamed H., Daud K.M, Nor S. & Hood. 2022. Implimentasi Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah Dalam Norma Baharu: Persepsi Guru. *AJTLHE*, 14(2) : 80 – 94.
- Mohd Izham Mohd Hamzah, Nor Azlin Ibrahim, Jamalullail Abdul Wahab. (2020). Kepimpinan transformasional: hubungan serta peramal kepada amalan komuniti pembelajaran profesional. *AKADEMIKA*, 90(3), 1-16.
- Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj. 2016. Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 15 – 24.
- Mohd Yusof, A. S. (2021). Penggunaan Media Digital Guru-Guru di Sekolah Orang Asli. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 215 - 227.
- Mohd Yusoff, K., A. Hamid, A., & Othman, N. (2022). Hubungan Amalan Kepimpinan Transformasional Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Transformasi 25 di Daerah Jerantut. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4): 388-402.
- Nik Md. Saiful Azizi bin Nik Abdullah, Ali, R., Yahya, N. N., & Muhammad Isa, R. A. 2021. Cabaran Guru Dalam Pengajaran Digital Secara Maya Dan Kesediaan Murid Pasca Covid-19. *Sains Insani*, 6(2), 206 – 213.
- Nor’ Ain, A., Azman, I., Mohd Fazir, A. L., Najiha, H. O. (2017). Peranan Program Pementoran Dalam Meningkatkan Kejayaan Menti: Kajian Empirikal Amalan Komunikasi di

- Sebuah Universiti Awam Malaysia. *Geografia-Malaysia Journal Of Society And Space*, 11(10), 89-100.
- Nor Azlin Ibrahim, Mohd Izham Mohd Hamzah & Jamalul Lail Abdul Wahab, (2020). Kepimpinan transformasional: hubungan serta peramal kepada amalan komuniti pembelajaran professional. *AKADEMIKA*, 90(3), 1-16.
- Normiati & Abdul Saad. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 30 – 42.
- NurSyafia Saffiee, Aida Hanim Abdul Hamid & Ghazali Darusalam. (2018). Amalan Kepimpinan Transformationa Dalam Kalangan Guru Besar terhadap Keberkesanan Sekolah Di Daerah Subis. *Malysian Online Journal Oof Education*. 2(2), 21 – 28.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Tahap Amalan Guru Besar Serta Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *Journal of Society and Space*. 13(3), 65-74.
- Ong, C.T & Jamalul Lail, A.W. (2020). Amalan Kepimpinan Transformasional Guru Besar dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja guru di SJKC Negeri Perlis. *ICOFEA 2020 Conference Proceeding*. 55-62.
- Osman, A. H., & Mokhtar, M. (2022). Keberkesanan Bimbingan Pembangunan Profesionalisme Guru Baharu Di Sekolah Berdasarkan Pengalaman Guru Mentor. *Jurnal Pembangunan Pendidikan*, 4(1), 31-40.  
<https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.31>.
- Roslina Mohd Nor, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Hamdzun Haron. (2019). Tahap pengetahuan pedagogi ilmu kandungan guru seni visual sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 44(1),137 – 150.
- Satangah@Salim, L., & Abdullah, M. K. (2021). Komitmen Organisasi Sekolah dan Hubungannya dengan Kualiti Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tahap Satu di Luar Bandar Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 159 - 167.
- Sia, G. C., Aida Hanim A. Hamid & Norasmah Othman. (2022). Hubungan Kepimpinan Transformasional Pengetua Dan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Tinggi Persendirian Cina Di Negeri Johor. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 56–69.
- Stephanie, L. S. N., & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2023). Amalan Kepimpinan Transformasional Pengetua dan Hubungannya dengan Komitmen Guru di Sekolah Menengah Daerah Subis, Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002269.
- Toresingam, T. T., Othman, N., & Rahman, R. S. A. R. A. 2019. Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Asas Perniagaan. *International Journal of Education, Phycology, and Counselling*, 4(26), 46-56.
- Yusoff, M. A. M., & Ismail, S. N. (2021). Kepimpinan Transformasioanal Iklim Sekolah dan Kepuasan Kerja Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (42), 508-518. 10.35631/IJEPC.642041
- Wulandari, T. (2022). Transformational principal leadership on teacher performance: a literature review. *International Journal of Current Science Research and Review*, 05(11).
- Zaini, Z. H. (2021). Pengaruh Kepimpinan Transformasional Guru Besar Terhadap Pembangunan Profesional Guru Prasekolah Kebangsaan Di Negeri Perak. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zurina Mustaffa, Zahara Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Tahap Pengetahuan Kurikulum Dan Amalan Pedagogi Terbeza Guru – Guru Pendidikan Islam Zon Selatan. *Tinta Artikulasi membina ummah*, 7(2), 1- 11.